

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ.JKP.01/100-6/1/1 (4)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGGAL 2021-2022)
BILANGAN 6 TAHUN 2021**

Tarikh : 27 Julai 2021 (Selasa)
Masa : 10.30 Pagi – 11.55 Pagi
Tempat : Dewan Bunga Tanjung,
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Hadir : Seperti dilampiran kehadiran

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Abdul Hakim bin Khairuddin, Penolong Pengarah (Komunikasi Korporat), Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO

Tayangan video korporat daripada Unit Komunikasi Korporat mengambil masa selama 16 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Julai 2021.

3. PERUTUSAN Pengerusi

YBrs. Puan Pengerusi mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT di atas limpah kurnia-Nya, kita dapat menghadiri Mesyuarat Majlis pada kali ini. Beliau mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai serta seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya di atas kerjasama dan komitmen yang diberikan kepada Majlis khususnya di dalam merealisasikan segala perancangan dan program-program yang dirancang Majlis. Segala pencapaian dan kejayaan pastinya menuntut komitmen yang jitu selain semangat kerja berpasukan.



Memandangkan kita masih di dalam tempoh perintah kawalan pergerakan, mengikut fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 1, perkhidmatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya termasuk proses permohonan daripada pelanggan akan terus dilaksanakan dengan amalan norma baharu dan pematuhan terhadap SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara.

Selain daripada menjalankan tugas-tugas hakiki di dalam menyampaikan perkhidmatan berkaitan permohonan bagi pembangunan, pelesenan permit, perkhidmatan pembersihan, kejuruteraan, kakitangan Majlis juga merupakan 'frontliners' bagi membendung penularan wabak Covid – 19.

- 3.2 Majlis Bandaraya Petaling Jaya ingin mengingatkan kepada semua pemunya harta di Petaling Jaya untuk membuat pembayaran cukai taksiran pada atau sebelum 31 Ogos 2021 (Selasa) bagi mengelakkan sebarang bayaran tambahan atau denda dikenakan.

Untuk makluman, MBPJ telah memproses dan mengemaskini bil Cukai Taksiran bagi setengah tahun kedua (Julai-Disember 2021) untuk 266,111 pemegang harta yang melibatkan jumlah cukai semasa dan tunggakan berjumlah RM177.638 juta.

Setiap pemunya harta boleh menyemak dan mendapatkan salinan bil melalui <https://ecukai.mbpj.gov.my/mbpjesimalinbil> dan membuat bayaran melalui atas talian menggunakan aplikasi eCukai@MBPJ atau laman ePay@MBPJ.

Bagi memudahkan pemunya harta menjelaskan bayaran, MBPJ telah menyediakan beberapa kaedah pembayaran yang boleh dilakukan secara tunai, cek, wang pos, kiriman wang pos dan kad debit / kad kredit yang boleh didapati di laman portal Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh melayari laman sesawang www.mbpj.gov.my atau kunjungi laman sosial Majlis (Facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Twitter & Instagram: @pjcitycouncil atau hubungi Jabatan Perbendaharaan MBPJ, di talian 03 7956 3544 samb. 102/103/108/109.

- 3.3 Bagi penyediaan Bajet MBPJ 2022, Majlis dengan berbesar hati menjemput masyarakat Petaling Jaya menjadi sebahagian daripada individu yang memberikan idea, cadangan atau pandangan bernas bagi Majlis memberikan perkhidmatan terbaik serta melakukan penyesuaian terhadap kesan penularan wabak pandemik Covid - 19 secara menyeluruh.

Tema Bajet 2022 Majlis Bandaraya Petaling Jaya adalah 'Petaling Jaya Bandar Raya Reponsif dan Berdaya Tahan'. Sehubungan dengan itu, Majlis telah menyediakan borang cadangan untuk pihak tuan puan menyatakan apa jua idea, cadangan dan pandangan untuk



pihak Majlis mengambil kira di dalam Bajet 2022 nanti. Kesemua idea, cadangan dan pandangan anda yang bernas boleh dinyatakan di dalam pautan ini <http://www.mbpj.gov.my/ms/cadangan-bajet-mbpj-2022> sehingga 1 Ogos 2021. Untuk makluman, pautan ini juga boleh didapati di laman portal Majlis www.mbpj.gov.my.

- 3.4 Majlis Bandaraya Petaling terus melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan pematuhan SOP premis-premis perniagaan dalam tempoh Perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Operasi penguatkuasaan yang dilaksanakan adalah meliputi pemeriksaan pematuhan SOP di sektor-sektor perniagaan komersial, pusat membeli-belah, peruncitan, perkilangan dan perkhidmatan. Pemeriksaan premis yang dijalankan adalah bertujuan memastikan segala aktiviti perniagaan mematuhi SOP dan garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dari semasa ke semasa di samping pematuhan kepada Undang-Undang Kecil yang digunapakai oleh pihak Majlis.

Hasil operasi yang telah dijalankan bermula 7 Mei 2021 sehingga 22 Julai 2021, sebanyak 13,117 pemeriksaan telah dilaksanakan merangkumi 7,380 premis perniagaan dan pematuhan waktu penutupan, 137 sektor industri, 4,230 penjaja, 848 lesen berisiko, dan 523 kawasan riadah termasuk Hutan Pendidikan Bukit Gasing.

Susulan pemeriksaan, sebanyak 1,570 tindakan penguatkuasaan dilaksanakan meliputi 1,451 kompaun pelbagai, lapan kompaun dibawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342), 40 amaran lisan, 15 notis penutupan, 26 sitaan/pindah alih, dan 30 penutupan premis. Selain itu, sebanyak 155 operasi bersepadu juga turut dilaksanakan bersama Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya dan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain.

Di samping itu, Bilik Gerakan SCOR (Smart Covid – 19 Operational Room) MBPJ yang mula beroperasi sejak 1 Jun 2021 juga memainkan peranan penting di dalam memastikan sistem penyampaian perkhidmatan lebih sistematik dan lancar. Sehingga 22 Julai 2021, sebanyak 48 aduan dan pertanyaan awam telah direkodkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 46 aduan telah diselesaikan.

Bagi perkhidmatan atas talian, sejumlah 27,837 perkhidmatan atas talian telah direkodkan sehingga 23 Julai 2021. Manakala, bagi permohonan temujanji atas talian pula, sejumlah 119 permohonan temujanji telah dicatatkan sehingga 23 Julai 2021 berbanding 117 permohonan temujanji bagi keseluruhan bulan Jun 2021. Berdasarkan jumlah perkhidmatan atas talian tersebut, jumlah urusan niaga hasil kutipan Majlis berjaya direkodkan sebanyak RM 24.4 juta melalui kutipan hasil di kaunter, kios, E-Pay dan atas talian (online).



Untuk makluman semua, kakitangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya tidak terkecuali dijangkiti jangkitan Covid – 19. Setakat 23 Julai, kes jangkitan Covid - 19 ke atas warga kerja MBPJ adalah berjumlah 145 orang. Berdasarkan jumlah ini, seramai 1,346 kakitangan yang terlibat dikenakan kurantin sendiri yang dipecahkan kepada kes yang berlaku di MBPJ, kes berlaku di luar MBPJ (Lapisan B dan Lapisan C).

Bagi proses vaksinasi kakitangan pula, seramai 1709 orang (94.1%) kakitangan telah di vaksin, 90 orang (4.9 %) kakitangan yang belum divaksin dan selebihnya 18 orang (1 %) kakitangan yang menolak/tidak bersetuju untuk divaksin. Majlis sedang mengenalpasti kakitangan yang menolak vaksin bagi membolehkan peratusan vaksin bagi wargakerja MBPJ adalah 100%.

Justeru itu, beliau menasihatkan agar warga kerja Majlis, masyarakat dan orang ramai agar sentiasa mematuhi SOP yang telah ditetapkan agar kita bersama-sama dapat memutuskan rantaian wabak pandemik ini. Jika dilihat, Daerah Petaling masih lagi berada di dalam zon merah (tidak selamat). Kekalkan penjarakan fizikal, sentiasa memakai pelitup muka dengan betul apabila berada di tempat awam, kerap mencuci tangan, elakkan berada di tempat sempit dan sesak, batuk dan bersin dengan cara yang betul dan yang paling penting tidak mengambil sikap sambil lewa.

3.5 Setelah diisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), seramai 45 orang petugas barisan hadapan dari pelbagai jabatan MBPJ telah bekerjasama dengan 7 agensi kerajaan yang terlibat dengan penugasan di Apartmen Damai PJS 8 bermula 18 Julai hingga 25 Julai 2021. Antara bentuk bantuan/penugasan yang dilaksanakan adalah seperti berikut :

- a) Penyediaan peralatan, kelengkapan dan bantuan logistik seperti khemah, kerusi, meja, papan putih, penghawa dingin/kipas, alat siaraya dan lain-lain
- b) Penyediaan pusat gerakan (SUBTEK)
- c) Penempatan lokasi pengumpulan makanan (JKM)
- d) Tenaga kerja (petugas) dan kawalan keselamatan
- e) Statistik pemetaan penduduk (*MAPPING*)
- f) Kerja-kerja sanitasi dan disinfeksi
- g) Kerja-kerja elektrik
- h) Kerja-kerja pembersihan sisa buangan domestik dan pelupusan PPE



- i) Kerja-kerja berkaitan teknologi maklumat/informasi
- j) Membuat liputan gerak kerja atau isu-isu berbangkit disekitar PKPD
- k) Bantuan logistik iaitu 8 unit kenderaan dan petugas pengagihan makanan dan *e-hailing*

Berdasarkan tempoh tersebut, pada 19 dan 20 Julai 2021 yang lalu seramai lima (5) orang anggota dari Jabatan Penguatkuasa dan lima (5) orang kakitangan Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MBPJ terlibat dalam Ops Ketuk di setiap blok apartmen bersama-sama kakitangan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) bagi menjalani ujian saringan jangkitan Covid – 19.

Selaras dengan pengumuman YB Timbalan Perdana Menteri, PKPD ini juga ditamatkan lebih awal daripada yang dijadualkan setelah aktiviti saringan pengesanan kes positif Covid - 19 dan vaksinasi telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Sepanjang lapan (8) hari PKPD dilaksanakan, seramai 2368 orang penduduk telah dibuat saringan. Selain itu, pemantauan harian ke atas operasi peniaga tanpa lesen (PTL) turut dilakukan oleh anggota penguatkuasa di sekitar kawasan PKPD.

Selain mengagihkan makanan keperluan asas kepada penduduk di Apartmen Damai PJS 8, sebagai sokongan moral dan solidariti kepada barisan hadapan, Majlis menerusi inisiatif 'PJ City Food Bank' telah menyediakan makanan dan minuman petang sebanyak 250 bungkus untuk diagihkan kepada kesemua barisan hadapan yang terlibat. Lebih istimewa, juadah makanan yang disediakan itu adalah merupakan hasil masakan secara bersama-sama barisan pegawai kanan MBPJ. Di samping itu juga, Majlis turut menghulurkan sumbangan sejumlah 500 bungkus makanan sajian hari raya kepada petugas barisan hadapan sempena perayaan Hari Raya Aidiladha tanggal 10 Zulhijjah yang lalu.

- 3.6 Wabak pandemik Covid - 19 terus menunjukkan peningkatan kes kadar jangkitan yang tinggi dan secara tidak langsung ianya boleh melebarkan lagi jurang pendapatan isi rumah, sekali gus berisiko meningkatkan golongan B40. Kesan pandemik ini juga dapat dilihat dengan peralihan golongan M40 kepada B40 sudah mula terjadi sebelum Covid-19, namun pandemik ini memburukkan lagi keadaan dengan ketidakstabilan ekonomi, penurunan paras gaji, lonjakan kadar pengangguran serta langkah majikan mengecilkan kos operasi.

Sehubungan dengan itu, Majlis secara langsung bertanggungjawab untuk membantu penjaja tanpa lesen yang semakin bertambah kerana kehilangan pekerjaan dan terpaksa menjaja ditepi jalan bagi menampung dan meneruskan kelangsungan hidup.



Majlis telah meluluskan satu dasar pemberian permit PKP/PKPD kepada penjaja tanpa lesen (PTL) di kawasan Petaling Jaya. Konsep pemberian permit PKP/PKPD di kategorikan kepada 2 iaitu secara penyusunan (susun di lokasi yang telah dikhaskan) dan secara 'in situ' (memberi permit di tempat asal). Jenis jualan yang dipertimbangkan permit PKP/PKPD adalah seperti makanan, minuman dan buah-buahan.

Antara kawasan yang telah diberikan permit PKP/PKPD sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 6 Julai 2021 adalah seperti berikut:

BIL	LOKASI	JUMLAH PERMIT YANG DIKELUARKAN
1	Jalan Medan 9, Petaling Jaya Kawasan Ahli Majlis Zon 17 Puan Norah binti Mansor	86 permit
2	Jalan Besar PJCC, Petaling Jaya Kawasan Ahli Majlis Zon 24 En. Ridzuan bin Awang @ Ahmad	27 permit
3	Kawasan Ahli Majlis Zon 24 En. Ridzuan bin Awang @ Ahmad	10 permit
4	Kawasan Ahli Majlis Zon 15 Puan Ermeemarianna binti Saadon	6 permit
5	Kawasan Ahli Majlis Zon 9 En. Loyis Anak Uding	2 permit
6	Kawasan Ahli Majlis Zon 3 En. Tang Fuei Koh	15 permit
7	Kawasan Ahli Majlis Zon 21 Puan Rozazitah binti Ahmad	17 permit
8	Kawasan Ahli Majlis Zon 8 En. Wong Swee Sang	5 permit
JUMLAH		168 permit



Pemberian permit ini juga akan diperluaskan lagi ke seluruh Petaling Jaya iaitu ke 24 kawasan zon Ahli Majlis. Bagi pemberian permit PKP/PKPD yang berkonsepkan penempatan dan penyusunan, penjaja tanpa lesen (PTL) akan ditempatkan di dalam satu kawasan dan disusun mengikut proses cabutan undi petak.

Bagi pemberian permit secara 'in situ' (permit di tempat asal) kepada penjaja tanpa lesen (PTL) permit diberikan di lokasi dimana penjaja tersebut tidak mendirikan struktur kekal, tidak meninggalkan barang perniagaan dan tidak membuat halangan di lokasi. Perkara ini akan dipantau oleh Jabatan Penguatkuasaan dan Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya.

Majlis berharap pemberian permit PKP/PKPD ini dapat meringankan kesusahan dan keperitan yang dilalui oleh segelintir masyarakat yang kehilangan pekerjaan dan terpaksa menjaja di tepi jalan untuk menjana pendapatan.

- 3.7 Bermulanya gelombang pertama pandemik Covid - 19 pada awal tahun 2020 telah memberi kesan yang amat mencabar kepada kita semua dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk Petaling Jaya serta membantu Kerajaan Negeri dalam masa sukar ini.

Kes kematian akibat wabak Covid – 19 yang semakin bertambah saban hari turut memberi kesan kepada Majlis dari segi perkhidmatan pengurusan perkuburan.

Pada ketika ini tanah perkuburan Islam yang masih beroperasi adalah di Kota Damansara dan PJS 4/19. Manakala untuk tanah perkuburan India adalah di Damansara Jaya.

Akhir-akhir ini muncul varian baru Covid – 19 (Varian Delta) yang telah meragut nyawa orang ramai dengan amat rakus dan pantas. Angka kematian yang tinggi, di mana untuk tanah perkuburan Islam purata pengurusan jenazah telah meningkat kepada 10-15 orang sehari berbanding dengan keadaan biasa seramai 1-3 orang sahaja. Manakala bagi pengurusan kematian orang bukan Islam di krematorium pula di antara 4-6 orang sehari berbanding dalam keadaan biasa di antara 1-2 kematian.

Sehingga kini di Tanah Perkuburan Islam Seksyen 9, Kota Damansara, seramai 217 jenazah telah dikebumikan. Manakala di tanah perkuburan Islam PJS 4/19, seramai 79 jenazah telah diuruskan walaupun baru sahaja dibuka pada penghujung Mei lalu. Bagi di krematorium pula, seramai 173 mayat telah diuruskan. Kesemuanya adalah kes kematian yang diakibatkan oleh pandemik Covid – 19.



Jika senario ini berterusan, ianya boleh mengakibatkan ruang tapak untuk pengurusan pengebumian ini akan terhad dalam masa 3-5 tahun lagi. Sehubungan itu, Majlis sedang merancang untuk memulakan Fasa 3 tapak perkuburan di Kota Damansara dan Fasa 2 di Tanah Perkuburan PJS 4 dalam masa terdekat ini. Perbincangan juga akan dibuat dengan pihak Kwasa Land untuk membenarkan Majlis membuat perancangan dan persiapan awal di tapak tanah perkuburan di Sungai Buloh. Majlis telah diperuntukkan sebanyak 18 ekar untuk perkuburan Islam dan 18 ekar lagi untuk perkuburan bukan Islam.

- 3.8 Dalam usaha mengekang penularan wabak pandemik Covid - 19, pelbagai usaha dan langkah-langkah pencegahan giat dilakukan. Ini termasuklah memperluaskan lagi penyediaan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di kawasan tumpuan masyarakat bagi memastikan seramai mungkin masyarakat menerima vaksin bagi mencapai 'herd immunity'.

Dewan Sivik Majlis Bandaraya Petaling Jaya kini telah menjadi salah satu lokasi Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di daerah Petaling. PPV Dewan Sivik ini telah mula beroperasi pada 9 Julai 2021 dan dikawal selia oleh Badan Bertindak Imunisasi Covid – 19 (C.I.T.F.) yang menyelaras tindakan bersepadu pelbagai kementerian dan badan kerajaan seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA), Pejabat Tanah Daerah Petaling, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Qualitas Medical Group (Qualitas) dan Malaysia Vaccine Support Volunteer (MyVac) bagi Program Imunisasi Covid – 19 Kebangsaan (PICK).

Dengan kapasiti harian sebanyak 3000 dos pada masa ini, PPV ini telah menerima lebih daripada 6000 individu yang telah divaksin. PPV ini juga beroperasi dari pukul 9 pagi hingga 9 malam. Dalam pada masa yang sama, Majlis turut membantu dari segi kelengkapan logistik serta perkhidmatan mesra OKU dalam usaha menjayakan Program Imunisasi Covid – 19 Kebangsaan (PICK).

Bagi melancarkan Program Imunisasi Peringkat Kebangsaan ini, Majlis turut menyediakan perkhidmatan bas percuma 'PJ City Bus' bagi memudahkan orang ramai yang telah mendapat temujanji melalui aplikasi 'MySejahtera' untuk penerimaan vaksin ke PPV Dewan Sivik. Selain itu, Majlis juga menawarkan perkhidmatan van transit percuma bagi golongan orang kelainan upaya dan tempat letak kereta percuma.

Dalam tempoh fasa Pelan Pemulihan Negara Fasa 1 ini, orang ramai diingatkan agar tidak leka dalam bersama-sama memutuskan



rantaian Covid - 19 dan melandaikan lekuk wabak pandemik ini. Berada dalam norma baharu, pemakaian pelitup muka sudah menjadi suatu kewajipan apabila berada di tempat awam. Kekekapan mencuci tangan dengan sabun/ hand sanitizer' juga diantara langkah-langkah pencegahan penularan wabak. Majlis menggesa orang ramai agar hadir ke mana-mana PPV jika sudah mendapat temujanji bagi penerimaan vaksin.

4. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.

4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 5 TAHUN 2021 (PENGGAL 2021/2022)

4.1.2 Minit Mesyuarat Majlis Bilangan 5 Tahun 2021 bagi penggal 2021/2022 bertarikh 29 Jun 2021 disahkan tanpa pindaan.

5. LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS:

5.1 LAPORAN MAKLUMBALAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 5 TAHUN 2021 (PENGGAL 2021/2022) YANG TELAH DIADAKAN PADA PADA 29 JUN 2021.

Tiada.

6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS.

6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 6 JULAI 2021 DAN 19 Julai 2021. (RUJ.: MBPJ.JKP.01/700-1/1/3(6)) (RUJ.: MBPJ.JKP.01/700-1/1/3(9))

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Unit Pusat Setempat, MBPJ.

6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN, KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 12 JULAI 2021. (RUJ.: MBPJ.JKP.01/100-6/1/8(5))

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan dan tambahan ayat yang tidak dimitnkan seperti berikut:



Pembetulan nama bagi perkara 5.3 d) di muka surat 10 iaitu:

d) Puan Norah binti Mansor...

Pembetulan tajuk bagi perkara 7.1 di muka surat 12 iaitu:

7.1 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK LEONG CHEE CHENG

Pembetulan dan Penambahan ayat bagi perkara yang tidak diminitkan. Perkara 7.2, 7.3 dan 7.4 di muka surat 12 dan 13 iaitu:

7.2 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN ERMEEMARIANNA BINTI SAADON

7.2.1 Mesyuarat Mengambil maklum berkenaan:

- a) Beliau bertanya status Jawatan Pengarah Perkhidmatan Kesihatan yang masih kosong dan belum di isi sudah melebihi dua (2) tahun. Jawatan ini perlu diproses melalui iklan dan proses temuduga dengan kadar segera.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.

- b) Beliau memohon agar Majlis mengambil tindakan ke atas penyelenggaraan di Kwarters Seksyen 8 di mana terdapat bumbung bocor, pembersihan tidak dibuat dan rumput tidak dipotong. Keadaan kuarters yang teruk amat tidak sesuai untuk diduduki.

Selain daripada itu beliau mendapati Pihak Pengurusan Aset ada membuat pembaikan tiga buah kuarters yang kosong. Sehubungan itu beliau memohon penjelasan mengapa unit kosong dibaiki sedangkan unit yang berpenghuni tidak terurus. Untuk siapakah unit yang dibaiki tersebut sama ada untuk penghuni sedia ada atau penghuni baru.

Tindakan : Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.



- c) Beliau memohon pihak Majlis menjadi perantara bagi menyelesaikan masalah penyelenggaraan Kuarters Air Selangor di Jalan 4/39 Seksyen 4 Petaling Jaya di bawah pentadbiran SUK. Masalah ketika ini adalah kerosakan jalan, kerosakan bangunan, penyelenggaraan dan pembersihan persekitaran di dalam kawasan kediaman penduduk. Penduduk dipotong gaji untuk sewaan rumah tetapi tiada penyelenggaraan dibuat.

Sehubungan itu dipohon agar pihak Majlis membantu mengadakan Mesyuarat bersama agensi tersebut dengan kadar segera.

**Tindakan : Jabatan Kejuruteraan, MBPJ,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan
Pembersihan Awam, MBPJ,**

- d) Beliau turut mengemukakan pertanyaan bilakah Majlis akan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Induk MPP.

**Tindakan : Jabatan Pembangunan
Kemasyarakatan, MBPJ.**

7.3 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN RAHIBAH BINTI CHE OMAR

- a) Beliau mengemukakan pertanyaan mengenai perancangan penyusunan penjaja tanpa lesen.

Puan Pengerusi memohon Jabatan Penguatkuasaan serta Jabatan Pelesenan untuk membuat kajian semula di dalam isu penyusunan peniaga tanpa lesen dengan menggunakan pendekatan yang konsultatif.

**Tindakan : Pengarah Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ,
Pengarah Jabatan Pelesenan, MBPJ.**

7.4 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN SAKINAH BIBI NAGOOR (Pembetulan kepada tajuk 7.4)

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.



6.2.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan:

- a) Perkara yang dibangkitkan oleh Puan Rahibah binti Che Omar berkaitan maklumbalas ke atas perkara yang dibentangkan semasa mesyuarat bersidang.

YBrs. Puan Pengerusi memaklumkan bahawa setiap perkara yang dicatatkan semasa mesyuarat akan diambil tindakan oleh jabatan/unit terlibat. Maklumbalas ke atas tindakan akan dimaklumkan dan dibentangkan di dalam mesyuarat jawatankuasa pada bulan berikutnya.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

**6.3 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 12 JULAI 2021.
(RUJ.: MBPJ.JKP.01/600-1/1/2(6))**

- 6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan dan tambahan minit seperti berikut:

Pindaan bagi perkara 7.3.1 di muka surat 12 iaitu:

- 7.3.1 Beliau membuat aduan berkenaan tekanan air rendah di tandas awam di Jalan 2/27. Lawatan bersama Air Selangor telah diadakan pada 5 Julai 2021. Hasil lawatan mendapati terdapat kebocoran di bawah tandas tersebut yang menyebabkan meter air berjalan dan bil air melambung tinggi dan boleh menyebabkan kerugian kepada pihak Majlis. Beliau berharap Jabatan Kejuruteraan dapat mengambil tindakan ke atas perkara ini.

- 7.3.2 Tambahan kepada perkara 7.6.6 di muka surat 13 yang tidak diminitkan:

- 7.6.6 Encik Loyis Anak Uding turut memohon agar Jabatan Landskap berkongsi Dasar Penebangan Pokok kepada Ahli Majlis sebagaimana keputusan mesyuarat sebelum ini.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.



6.4 **CADANGAN MINIT MESYUARAT KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 13 JULAI 2021.
(RUJ.: MBPJ.JKP.01/700-1/1/2(3))**

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan seperti berikut:

Pindaan bagi perkara 7.1.1 di muka surat 23 iaitu:

7.1.1 Pengecualian/Pengurangan Bayaran Sewaan Kepada Peniaga Yang Tidak Dibenarkan Berniaga Di Atas Arahan SOP Di Bawah Kementerian Kesihatan Malaysia Semasa PKPD 3.0.

- a) Beliau memohon pihak Majlis untuk berbincang dengan Kerajaan Negeri berkenaan perkara tersebut bagi menyelesaikan masalah peniaga yang berniaga di bangunan premis majlis seperti di pasar awam kerana beliau telah menerima surat rayuan daripada wakil peniaga persatuan Pasar Besar Jalan Othman untuk diberi pertimbangan.

Tindakan : Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran, MBPJ.

6.5 **CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 13 JULAI 2021.
(RUJ.: MBPJ.JKP.01/500-1/1/4 (3))**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas kecuali bagi perkara 4.9 di muka surat 28 di mana mesyuarat memutuskan agar satu kajian dan semakan semula dibuat. Kajian dan semakan semula akan dibentangkan ke dalam Mesyuarat Pihak Berkuasa Melantik bulan depan.

6.5.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan:

- a) Perkara 4 di muka surat 5 yang dibangkitkan oleh Encik Tang Fuie Koh berkaitan pelantikan Pembantu Ahli Majlis berkuatkuasa mulai 2 Ogos 2021 sedangkan Pembantu yang dilantik telah mula berkhidmat bulan Mei 2021. Perkara ini bukanlah kesilapan Pembantu memandangkan Pihak Berkuasa Melantik telah lama tidak bersidang iaitu sejak bulan Mei 2021.



Tuan Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan menyatakan perkara ini akan dibincangkan semula di dalam Mesyuarat Pihak Berkuasa Melantik pada bulan hadapan dengan syarat Ahli Majlis mengemukakan surat pengesahan yang menyatakan Pembantu Ahli Majlis berkaitan telah berkhidmat bermula Mei 2021. Pelarasan gaji akan dibuat berdasarkan kelulusan Mesyuarat Pihak Berkuasa Melantik bulan berikutnya.

- b) Perkara 4.9 di muka surat 28 yang dibangkitkan oleh Encik Suraise a/l Gengiah dan Encik Terence Tan Teck Seng. Beliau memohon agar cadangan pemangkuan gred U48 kepada Puan Mahzura binti Mohd Amin dikaji semula berdasarkan asas-asas pelantikan seperti:
- i) Jawatan perlu diiklan terlebih dahulu atau tidak.
 - ii) Berapa lama kenaikan pangkat daripada 44 ke 48.
 - iii) Keperluan pelantikan di kalangan pegawai perubatan sebagaimana pelantikan tiga (3) orang pengarah sebelum ini.
 - iv) Atau keperluan Majlis sama ada pelantikan pengarah adalah di kalangan pegawai perubatan atau boleh di kalangan bukan pegawai perubatan.

YBr. Puan Pengerusi memaklumkan perkara ini akan dikaji semula dan akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Pihak Berkuasa Melantik pada bulan hadapan.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

**6.6 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 14 JULAI 2021.
(RUJ.: MBPJ.JKP.01/700-1/1/14(6))**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan MBPJ.

**6.7 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 15 JULAI 2021.
(RUJ.: MBPJ.JKP.01/600-1/1/1(5))**

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara berikut:



Pindaan bagi perkara 7.6.1 a) di muka surat 18 para 4 iaitu:

...mengikut zon dan penyebab banjir serta kerosakan akibat banjir setiap lokasi di rekodkan ke dalam dashboard tersebut.

Pindaan bagi perkara 7.7.1 a) di muka surat 19 para 2 iaitu:

...pembaikan longkang di Jalan SS 1/11, SS 9A, Sg. Way dan longkang...

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

6.8 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 16 JULAI 2021. (RUJ.: MBPJ.JKP.01/400-1/2/4(6))

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan seperti berikut:

Pindaan bagi perkara 7.3.1 di muka surat 7 dan 8 iaitu:

a) Makluman dari puan Rahibah binti Che Omar bahawa Majlis menjalankan berbagai kempen dalam mengurangkan sampah. Beliau meminta semua jabatan menyemak semula SOP kerja untuk mengurangkan penggunaan kertas, cetakan dan surat menyurat serta memanfaatkan medium digital agar selari dengan halatuju majlis untuk perbelanjaan berhemah dan mengurangkan penajaan sampah dan `carbon print`.

Tindakan : Pengarah Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.

7. UCAPAN PENANGGUHAN

7.1 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK DEREK JOHN FERNANDEZ

7.1.1 Kehadiran Orang Awam dan Wakil Akhbar

Beliau membangkitkan Perintah 35, Perintah Tetap Mesyuarat 2007 di mana Mesyuarat Majlis hendaklah terbuka kepada orang ramai dan wakil akhbar tertakluk kepada ketetapan Pihak Berkuasa Tempatan. Menurut beliau telah dua (2) bulan mesyuarat tidak dibuka kepada orang ramai atau wakil media. Beliau berharap agar mesyuarat dibuka kepada wakil akhbar bagi membolehkan wakil akhbar mendapatkan informasi semasa MBPJ terutama pada masa sekarang dengan



SULIT

memberikan `link` mesyuarat atau boleh mengikuti mesyuarat secara `live streaming`.

YBrs. Puan Pengerusi mengambil maklum perkara ini dan mengucapkan terima kasih di atas teguran oleh Ahli Majlis. Mesyuarat Majlis akan dibuka kepada wakil akhbar/orang ramai bagi bulan berikutnya melalui `live streaming`.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.55 pagi dan Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir.



(AZNAN BIN HJ. HASSAN) A.I.S.,
Timbalan Setiausaha,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 28 Julai 2021



SULIT

LAMPIRAN KEHADIRAN**HADIR:**

1. Puan TPr. Hjh. Sharipah Marhaini binti Syed Ali, P.P.T., - Pengerusi Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.
2. Encik Terence Tan Teck Seng, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
3. Encik Suriase a/l Gengiah, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
4. Encik Zamri bin Mohamad, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
5. Encik Tang Fuei Koh, P.J.K., (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
6. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik, P.J.K., (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
7. Encik Derek John Fernandez, P.J.K., (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
8. Encik Wong Swee Sang, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
9. Puan Ermeemarianna binti Saadon, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
10. Encik Sugumaran a/l R Annamalai, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
11. Encik Anwar bin Nekhan, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
12. Encik Chan Pak Keung, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
13. Encik Leong Chee Cheng, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
14. Encik Loyis Anak Uding, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
15. Encik Ong Yew Thai, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.



16. Puan Quratulain Atiqah binti Norzahirul Anuar, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Tuan Sr. Thayalan a/l Krishnasamy, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Puan Sakinah Bibi Nagoor, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Puan Rahibah binti Che Omar, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Encik Ridzuan bin Hj. Ahmad @ Awang, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Puan Rozazitah binti Hj. Ahmad, P.J.K., (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Encik Ng Yih Miin, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
23. Puan Norah binti Mansor, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
24. Puan Nalina Nair a/p Rama Krishnan, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
25. Puan Chang She-Yun, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.

HADIR BERSAMA:

1. Encik Aznan bin Hassan, A.I.S.,
Timbalan Setiausaha, MBPJ.
2. Encik Mohamad Rosnani bin Hj. Hamid, A.M.S., P.P.T., (Google Meet)
Pengarah,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
3. YBhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, P.P.T., M.R.I.S.M, (Google Meet)
Pengarah,
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
4. Puan Hjh. Nik Nazli binti Nik Abdullah, A.M.S., (Google Meet)
Pengarah,
Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.



5. Tuan Ir. Hj. Ismail bin Shafie, A.I.S., (Google Meet)
Pengarah,
Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
6. Puan Hamidah binti Hj. Ariffin, P.P.T., (Google Meet)
Pengarah,
Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
7. Encik Mohd Fauzi bin Maarop, P.J.K., (Google Meet)
Pengarah,
Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
8. Puan Hjh. Sharinaz binti Hj. Samsudin@Musa, A.I.S., (Google Meet)
Pengarah,
Jabatan Pelesenan, MBPJ.
9. Encik Samsu Bahari bin Nonchi, A.M.S., (Google Meet)
Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.
10. Tuan TPr. Zain Azly bin Abdul Rahman, PJK, (Google Meet)
Timbalan Pengarah (Perancangan Pembangunan),
Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
11. Encik Lee Lih Shyan, (Google Meet)
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MBPJ.
12. Tuan LAr. Dr. Badruzaman bin Jaafar, (Google Meet)
Pengarah,
Jabatan Landskap, MBPJ.
13. Puan Haniza binti Abdul Hamid, P.P.T., (Google Meet)
Pengarah, Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.
14. Puan Hjh. Norlida binti Md. Isa, P.J.K., (Google Meet)
Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.
15. Puan Norzita binti Mokhtar, (Google Meet)
Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.
16. Puan Tee Tzu Fong, (Google Meet)
Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
17. Puan Mahzura binti Mohd Amin, (Google Meet)
Penolong Pengarah Kanan,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran, MBPJ.
18. Puan Sr. Jayanthi a/p Kupusamy, – (Google Meet)
Pengarah, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.



URUSETIA :

1. Puan Haslida binti Samat, P.P.S.,
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
2. Puan Roziah binti Mohd Din,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
3. Puan Nur Zaidah binti Abd. Kadir,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

